

Undang-undang jaga kebajikan haiwan

Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan 2015 diluluskan di Dewan Rakyat semalam, menyaksikan Malaysia menyertai negara anggota Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE), antaranya India, New Zealand, Australia dan United Kingdom yang mempunyai undang-undang khusus berkaitan kebajikan haiwan.

Rang undang-undang itu yang dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada 9 April lalu membolehkan penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan. Antara fungsi lembaga itu, termasuk memantau kerja persatuan atau badan yang ditubuhkan bagi maksud mencegah trauma, kesakitan atau penderitaan kepada haiwan.

ia mencadangkan denda maksimum RM100,000 dan penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan kali pertama, termasuk menganiaya haiwan, membunuh dengan menembak tanpa sebab munasabah, pemberian racun dan usaha niaga pelagaan haiwan.

Kesalahan serius

Ketika menggulung perbincangan rang undang-undang itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (**gambar**) berkata, ia memberi mesej bahawa menzalimi haiwan adalah kesalahan serius dan diharap dapat diwujudkan, selain dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga kebajikan haiwan.

“Peranan Jawatankuasa Kebajikan Haiwan sedia ada akan diteruskan bagi menggalakan dasar serta memantau pelaksanaan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan,” katanya.

Menjawab soalan N Surendran (PKR-Padang Serai) mengenai kemampuan tenaga kerja bagi menguatkuasakan rang undang-undang itu, Ismail Sabri berkata, 160 penguat kuasa dan 2,500 pegawai teknikal Ja-

batan Perkhidmatan Veterinar di Semenanjung dan Labuan akan dilantik sebagai pegawai kebajikan haiwan.

Dalam perkembangan lain, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr James Dawos Mamit, berkata hanya kira-kira 250 hingga 340 harimau dikesan di tiga kompleks hutan utama melalui bancian populasi di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10).

Kajian dijalankan di Taman Negara (Pahang, Kelantan dan Terengganu), Taman Negeri Diraja Belum Gerik, Perak dan Taman Negara Endau-Rompin, Pahang. Namun, populasi harimau secara keseluruhan akan diketahui selepas Kaji Selidik Harimau Kebangsaan yang dirancang di bawah RMKe-11 dilaksanakan.

Menjawab soalan Dr Noor Azmi Ghazali (BN-Bagan Serai), beliau berkata, harimau dikelaskan sebagai hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan diklasifikasikan sebagai terancam oleh Kesatuan Antarabangsa Pemuliharaan Alam Semulajadi (IUCN).

“Mengikut Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna Terancam (CITES), harimau dilarang dieksport untuk tujuan komersial, namun penghantarannya ke luar negara untuk ditempatkan di zoo dibenarkan untuk tujuan konservasi,” katanya.

Beliau berkata, sejak tahun 1980-an, 20 harimau ditempatkan di zoo luar negara, manakala 70 ekor di zoo tempatan.

Bagi melindungi haiwan itu pula, kerajaanewartakan 35 kawasan perlindungan dengan keluasan 714,267 hektar untuk menampung habitat haiwan liar.

